

24/10/2001

Belanjawan 2002 pastikan pertumbuhan IT pesat

Hizral Tazzif Hisham; Khairul Anuar Samad  
MULTIMEDIA Development Corp Sdn Bhd (MDC) menyifatkan Belanjawan 2002 yang diumumkan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai langkah positif bagi memastikan pertumbuhan industri teknologi maklumat dan komunikasi (IT) negara sentiasa berkembang pesat.

Naib Presiden Kanan Operasi MDC, Dr Mohamed Arif Nun, berkata langkah kerajaan mengecualikan cukai jualan terhadap kad pintar dan peralatannya adalah langkah positif memastikan penggunaannya dapat diperluaskan ke seluruh negara.

"Langkah kerajaan memberikan insentif untuk menggalakkan penggunaan perdagangan elektronik (e-dagang) menerusi pengurangan cuaki pendapatan sebanyak 18 peratus daripada 28 peratus kepada 10 peratus akan menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan menggunakan e-dagang," katanya.

Beliau berkata, insentif cukai yang diberikan kepada Entepriis Kecil dan Sederhana (EKS) menggunakan Pusat Pertukaran Perdagangan Elektronik seperti RosettaNet akan meningkatkan lagi penggunaan e-dagang di Malaysia.

Mohamed Arif berkata, bagi memastikan jurang digital dihapuskan langkah kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM205.5 juta untuk membangun makmal dan membekalkan komputer amat positif.

"Pembangunan sumber manusia amat penting dalam ekonomi digital yang mana peruntukan sebanyak RM100 juta bagi mendirikan enam kolej matrikulasi dapat membekalkan pekerja pengetahuan yang diperlukan negara," katanya.

Beliau berkata, kesediaan kerajaan Jepun memberikan pinjaman sebanyak RM1.9 bilion kepada syarikat modal teroka kerajaan iaitu Malaysia Venture Capital Management dapat merangsang industri ICT dan modal teroka negara.

"Penubuhan Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd bagi menguruskan Tabung Modal Teroka Bagi Perolehan Teknologi berjumlah RM190 juta turut membantu memberi rangsangan tambahan yang diperlukan," katanya.

Ketua Eksekutif, Perbadanan Komputer Nasional Bhd (Nascom), Zulkifli Amin Mamat, berkata belanjawan kali ini adalah positif kepada syarikat IT tempatan.

Beliau berkata, peluang perniagaan IT terbuka luas memandangkan kerajaan turut memberi galakan dalam membangunkan perniagaan berasaskan Internet atau web.

"Ini menjadikan sektor perniagaan beralih kepada Internet yang sekali gus membuka peluang lebih aktif kepada syarikat IT tempatan dalam menyediakan kemudahan prasarana untuk itu khususnya dalam e-niaga," katanya.

Ketua Pegawai Operasi, UBM Solutions Sdn Bhd (UBM), Amir Awang Hamad, berkata penekanan kepada pembinaan makmal komputer membukakan peluang kepada syarikat penyedia perkhidmatan pendidikan dalam talian seperti UBM.

Katanya, belanjawan kali ini adalah baik kerana kerajaan masih mengekalkan tumpuan kepada perkara utama yang menjana ekonomi iaitu IT khususnya di sektor pendidikan.

"Peluang kepada penyedia rumusan untuk pendidikan dalam talian amat positif dan syarikat yakin berupaya menyahut dan merebut peluang itu," katanya.

Ketua Eksekutif JobStreet.com, Mark Chang berkata, seara keseluruhannya pakej belanjawan kali amat memberangsangkan terutamanya menerusi insentif pengurangan cukai selain insentif yang bermakna.

"Impian bagi melihat kerajaan mengecualikan cukai perkhidmatan atau urus niaga melalui Internet akhirnya terlaksana kerana ia akan meningkatkan atau menggalakkan syarikat melakukan pembelian melalui Internet.

"Ini juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub telekomunikasi dan multimedia di Asia dan juga di dunia," katanya.

Pengarah Pemasaran Oracle Malaysia, Micheal Lai, berkata secara keseluruhannya ia adalah belanjawan positif yang mana kerajaan mengambil langkah bijak dengan menggalakkan syarikat EKS menggunakan e-dagang.

"Dianggarkan satu per tiga daripada pendapatan Keluaran Negara Kasar disumbangkan industri pengeluaran maka tindakan kerajaan menggalakkan syarikat EKS menggunakan RoesttaNet dapat memberikan peluang syarikat tempatan menerokai pasaran antarabangsa," katanya.

(END)